

TARIKH	20 / 8 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	42	RUANGAN	Bisnes

## CCM bekal 30,000 kit kesihatan haji

**Kuala Lumpur:** Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) meneruskan soko-ngannya bagi 10 tahun berturut-turut dengan memberi sumbangan 30,000 kit kesihatan peribadi bernilai RM526,238 di bawah program Sahabat Korporat Tabung Haji tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Amirul Feisal Wan Zahir berkata, sumbangan berterusan syarikat untuk program Sahabat Korporat Tabung Haji membuktikan komitmen bagi membantu jemaah haji menjaga kesejahteraan apabila berlepas ke Tanah Suci untuk mengerjakan rukun Islam kelima.

"Setiap tahun, berjuta-juta jemaah dari seluruh dunia berkumpul di Makkah untuk mengerjakan tawaf haji dalam panas terik. Jutaan manusia yang bersedak-sesak menjadikan keadaan lebih mencahar bagi sesetengah jemaah, terutama warga emas.

"Sangat penting bagi jemaah mengambil langkah tambahan untuk melindungi diri mereka daripada penyakit dan memastikan keadaan mereka cukup sihat dan cerias untuk melaksanakan se-

mua rukun haji. Kami harap kit kesihatan ini akan membantu mereka yang memerlukan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan.

Kit kesihatan ini mengandungi produk yang disahkan halal daripada CCM Pharmaceuticals seperti Uphamol 650 untuk melegakan kesakitan, pening kepala atau demam, Flavettes Vitamin C untuk menguatkan daya pertahanan badan dengan menguatkan sistem imun, minyak Sloan's Analgesic Rub untuk melegakan sakit dan sengal badan, Eye Glo Regular untuk melegakan kerengsaan mata disebabkan keadaan kering dan Donna Glucosamine untuk melegakan gejala sakit sendi dengan berkesan.

Setiap tahun, CCM juga menyertai Kursus Asas Haji (KAH) dan Kursus Haji Perdana (KHP) yang dianjurkan oleh Tabung Haji di semua negeri untuk jemaah yang membuat persediaan untuk menunaikan haji.

Semasa KAH, CCM menerangkan kepada jemaah mengenai produk yang terdapat dalam kit kesihatan dan juga menganjurkan aktiviti promosi.